

Janji Luluskan Memorandum Kabinet

SHAH ALAM : Semua hukuman bagi kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) khususnya Seksyen 41 hingga 45 akan ditambah baik dan ditingkatkan agar dapat memberi pengajaran dan menghindarkan gejala pemanduan di bawah pengaruh alkohol. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, beliau telah mengarahkan pegawai Kementerian Pengangkutan (MOT) untuk menyediakan satu Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan kelulusan Kabinet pada bulan ini agar pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dapat dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat nanti.

“Hari ini (semalam) saya mempengerusikan mesyuarat khas pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) khususnya Seksyen 41 hingga 45 mengenai hukuman terhadap mereka yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah atau memandu secara melulu dan merbahaya. “Cadangan pindaan terhadap Akta 333 juga mengambil kira pandangan semua pemegang taruh termasuk orang ramai,” katanya dalam satu kenyataan di Putrajaya semalam.

Mengikut undang-undang sedia ada, individu yang memandu dalam keadaan mabuk boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM6,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan. Bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian pula, pesalah boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 dan penjara maksimum 12 bulan.

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 3 | 2 JUN 2020